



UUM
Universiti Utara Malaysia

LAPORAN TAHUNAN 2019

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA





LAPORAN TAHUNAN 2019

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

Isi Kandungan

4-5 Universiti Utara Malaysia – Selayang Pandang

6-7 Matlamat Penubuhan, Objektif Penubuhan,
Visi dan Misi Universiti

8-11 Falsafah Universiti, Piagam Pelanggan,
Status MSC, Dasar Q, Slogan Q,
Pelan Strategik

12-13 Canselor

14-16 Pro-Canselor

17 Pengerusi Lembaga Pengarah
Universiti

18 Naib Canselor

19-21 Ahli Lembaga Pengarah Universiti

22 Senarai Jawatankuasa Pengurusan
Universiti

23-26 Senarai Ahli Senat Universiti

28-31 Carta Organisasi Universiti Utara
Malaysia

32-35 Aluan Pengerusi Lembaga
Pengarah Universiti

36-44 Laporan Naib
Canselor

46-48 Hubungan Luar

49-54 Kemasukan Pelajar

55-58 Enrolmen Pelajar

59-60 Majlis Konvokesyen

61-87 Pencapaian Penyelidikan,
Penerbitan Penyelidikan dan
Inovasi

88-89 Pengurusan Seminar,
Persidangan dan
Simposium

90-92 Promosi

93-100 Pengurusan Sumber
Manusia

101-109 Pembangunan
Infrastruktur

110-114 Pembangunan
Sahsiah Pelajar

115-117 Keusahawanan

118-120 Pembangunan Sukan

121-123 Laporan Audit Dalam

124-189 Laporan Penyata Kewangan
Universiti Utara Malaysia





Universiti Utara Malaysia

Selayang Pandang

Universiti Utara Malaysia (UUM) ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Utara Malaysia (Perbadanan) 1984, bertarikh 16 Februari 1984.

Ia bermula dengan perancangan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menubuhkan Universiti ini dalam bulan Ogos 1983. Pada 19 Oktober 1983, Jemaah Menteri telah memberi kelulusan rasmi ke atas projek yang pada waktu itu dinamakan Projek Universiti Keenam, di Kedah. Beberapa bulan kemudian, pejabat sementara universiti keenam yang diberi nama

Universiti Utara Malaysia itu dibuka pada 15 Februari 1984 di Jitra.

Pada Jun 1984, ia berpindah ke kampusnya yang pertama, Kampus Darulaman bagi menyambut ketibaan pelajar-pelajar sulung UUM menjelang kemasukan mereka pada awal bulan Julai 1984. Kampus tersebut didirikan di atas satu kawasan seluas 62 ekar di Bandar Darulaman, iaitu 18 km ke Utara Alor Setar dan 4.8 km dari Jitra. Sementara itu, perancangan untuk membina sebuah kampus tetap sudah pun bermula di atas satu kawasan seluas 1,061 hektar dalam Daerah Kubang Pasu

juga yang terletak 28 km ke utara kampus sementara.

Kampus baru UUM yang terletak di Sintok mula beroperasi pada 15 September 1990. Kampus yang jaraknya 48 km di utara Alor Star dan 10 km di timur Changlun ini merupakan bekas lombong bijih timah yang dikelilingi pemandangan indah hutan hujan tropika dan bukit-bukau. Selain itu, di tengah-tengahnya mengalir dua batang sungai iaitu Sungai Sintok dan Sungai Badak. Kampus ini telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Canselor yang pertama, pada 17 Februari 2004.

Matlamat Penubuhan

Matlamat utama penubuhan UUM adalah untuk memenuhi matlamat asas mengisi permintaan guna tenaga yang berkecukupan dan terlatih dalam bidang pengurusan. Selain itu, kampus ini ditubuhkan untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan pengurusan.

Program akademiknya tertumpu kepada bidang-bidang pengurusan, perakaunan, ekonomi, teknologi maklumat, pentadbiran awam, pengurusan sumber manusia, keusahawanan, kewangan dan perbankan, undang-undang, pemasaran, pengurusan teknologi, komunikasi, kerja sosial, multimedia, pendidikan, sains pemutusan, hal ehwal antarabangsa, pengurusan perniagaan, pelancongan, pentadbiran muamalat, pengurusan pembangunan, logistik dan pengangkutan, hospitaliti, pengurusan risiko dan insurans, teknologi media, perniagaan tani, matematik

perniagaan, statistik industri dan kaunseling.

Universiti Utara Malaysia juga memainkan peranan sebagai pemangkin pembangunan di kawasan utara Semenanjung. Prasarana dan kemudahan asas yang disediakan serta tenaga manusia di Universiti ini menjadi penggerak kepada kegiatan sosioekonomi yang lain.

Di samping pengajaran dan penyelidikan, universiti ini juga memberi sumbangan kepada perkembangan sosial, ekonomi dan intelektual di kawasan ini. Universiti memainkan peranan ini dengan melibatkan dirinya dalam projek kemasyarakatan, sama ada secara sendiri mahupun dengan kerjasama badan-badan kerajaan dan sektor swasta. Universiti ini sedang bergerak ke arah matlamat tersebut.

Objektif Penubuhan

Untuk membangunkan bidang
pengurusan sebagai pusat
kecemerlangan.

Untuk menjadi pusat
rujukan dalam semua aspek
pengurusan.

Untuk menjadi pusat sumber
yang terulung dalam bidang
pengurusan.

Visi

Menjadi Universiti
Pengurusan Terkemuka.

Misi

Kami mendidik pemimpin
berpewatakan holistik
untuk berbakti kepada
komuniti global.



Falsafah Universiti

Menginsafi bahawasanya Tuhan tidak mengubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha mengubahnya;

Menginsafi bahawa Malaysia diberkati dengan kekayaan kedua-dua sumber penting, iaitu sumber manusia dan sumber alam;

Menyedari bahawa kedua-dua sumber itu mesti digembleng dengan sebaik-baik cara dan seberkesan mungkin; dan bahawa kunci kepada kejayaan ialah perancangan pengurusan, pengesanan, penilaian kembali, penganutan ilmu, sains dan teknologi;

Meyakini bahawa manusia tidak dapat hidup dengan kemajuan kebendaan semata-mata, tanpa perikemanusiaan, peradaban dan keimanan, manakala sumber alam pula tidak boleh dibiarkan dieksploitasi sehingga mengancam peradaban manusia itu sendiri;

Maka,

Universiti Utara Malaysia mendedikasikan dirinya kepada matlamat melahirkan lulusan yang mempunyai kebolehan dan kepimpinan tinggi dalam perancangan

dan pengurusan sumber manusia dan sumber alam secara saintifik dan kreatif demi kesejahteraan bangsa, kesentosaan negara serta kedamaian dunia seluruhnya.

Azam Universiti ialah membina kecemerlangan prestasi dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan perkhidmatan masyarakat, khususnya dalam usaha gembleran sumber manusia dan sumber alam secara yang berkesan.

Azam Universiti adalah untuk membina sahsiah bakal lulusannya supaya seimbang antara keilmuan, kebudiiman dan segala sifat kemanusiaan dengan nilai-nilai luhur dan murni.

Ke arah itu, Universiti akan membudayakan dirinya, sekalian pelajar dan kakitangannya sejajar dengan motonya:

Ilmu Budi Bakti

Piagam Pelanggan

Dalam merealisasikan wawasan untuk menjadikan Universiti Utara Malaysia sebagai Universiti pengurusan yang terulung dan cemerlang selaras dengan Moto Universiti “Ilmu, Budi, Bakti”, dengan izin Allah SWT maka kami dengan penuh tekad dan iltizam berjanji menyempurnakan hak-hak pelanggan kami seperti berikut:

Kepada Pelajar

Menyediakan pendidikan, kemudahan pendidikan dan sistem pengurusan yang terbaik berlandaskan piawaian-piawaian yang ditetapkan.

Kepada Staf

- Menyediakan calon pelajar yang berkemampuan.
- Menyediakan kemudahan terbaik bagi melicinkan proses kerja, ganjaran yang sesuai dan peluang pengembangan ilmu yang adil dan saksama ke arah pembangunan dan kemajuan kakitangan

Kepada Negara

- Menyediakan bakal tenaga kerja untuk memenuhi keperluan negara.
- Menyediakan perkhidmatan latihan, penyelidikan dan perundingan ke arah mempertingkatkan lagi tahap perkembangan dan kemajuan ilmu.



Status MSC

UUM telah berjaya memperoleh Status MSC pada 22 April 1999.
Program pengajian yang memperoleh status tersebut ialah:

Ijazah Sarjana Muda
Multimedia dengan Kepujian.

Ijazah Sarjana Muda
Pengurusan Teknologi
dengan Kepujian.

Ijazah Sarjana Muda
Sains Pemutusan dengan
Kepujian.

Ijazah Sarjana Muda
Teknologi Maklumat dengan
Kepujian.

Ijazah Sarjana Muda
Perakaunan (Sistem
Maklumat) dengan Kepujian.

Ijazah Sarjana Muda
Pengurusan dengan
Pendidikan (Teknologi
Maklumat) dengan Kepujian.

Status MSC ISO 9001:2015

- ▶ UUM memperoleh pensijilan MS ISO 9002:1994 daripada SIRIM QAS Sdn. Bhd. pada tahun 2001 merangkumi skop peruntukan pengajian tinggi, penyelidikan, perundingan dan penerbitan.
- ▶ Pada tahun 2003, UUM telah berjaya melaksanakan proses peralihan sistem daripada MS ISO 9002:1994 kepada MS ISO 9001:2000. Hasil daripada pengauditan pihak SIRIM pada 2009, UUM berjaya memperoleh MS ISO 9001:2008 pada 2010.
- ▶ Pada tahun 2017, MS ISO 9001:2008 telah melalui proses transisi kepada MS 9001:2015. Hasil daripada proses audit yang dilakukan oleh pihak SIRIM QAS, UUM berjaya memperoleh pensijilan MS ISO 9001:2015 pada tahun 2018.

Faedah MS ISO 9001: 2015 kepada UUM dalam melaksanakan piawai terkini adalah:

- ▶ UUM berupaya secara konsisten dalam menyediakan produk dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan pelanggan dan peraturan serta keperluan berkanun yang diguna pakai;
- ▶ Risiko dan peluang yang berkaitan dengan konteks dan matlamat UUM dapat dinyatakan dengan jelas; dan
- ▶ Peluang untuk meningkatkan kepuasan pelanggan dapat dipermudahkan;
- ▶ UUM berupaya untuk menunjukkan keakuran terhadap keperluan MS ISO yang ditetapkan.

Dasar Q

Kami warga Universiti Utara Malaysia bertekad dan beriltizam untuk membudayakan kualiti dengan memberikan perkhidmatan yang menepati kehendak pelanggan dan pemegang taruh. Kami secara berterusan sentiasa menyediakan pendidikan dan sistem pengurusan kualiti yang unggul berlandaskan piawaian yang ditetapkan ke arah melahirkan sumber tenaga manusia yang menjadika “Ilmu, Budi, Bakti” sebagai nilai hidup.

Slogan Q

Membudayakan kualiti ke arah melahirkan tenaga sumber manusia yang menjadikan **Ilmu, Budi, Bakti** sebagai nilai hidup.

Pelan Strategik

Setelah Pelan Strategik Fasa 1:2011-2015 tamat,UUM kini mengukuhkan kedudukan untuk mencapai visi menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka melalui empat teras yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik Fasa II: 2016-2020. Empat teras tersebut ialah:

**MEMPERTINGKATKAN KESARJANAAN
DAN PENGANTARABANGSAAN**

**PEMBANGUNAN MODAL INSAN
DAN PENGURUSAN BAKAT**

**MEMBANGUNKAN MAHASISWA
SECARA HOLISTIK DAN HUBUNGAN
DENGAN ALUMNI**

KELESTARIAN KEWANGAN

CANSELOR

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

DK., DKH., DMN., DUK., DK. (KELANTAN),
DK. (JOHOR), DK. (PERAK), DK. (SELANGOR),
DK. (NEGERI SEMBILAN), DK. (PERLIS), DK. (Pahang),
DMK., SMDK., SHMS., SGMK., SPMK., SSDK.

SULTAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN



PRO-CANSELOR



**DULI YANG TERAMAT MULIA
TENGGU SARAFUDIN BADLISHAH IBNI
AL AMINUL KARIM SULTAN SALLEHUDDIN**
DMK., DSDK., SSS.

RAJA MUDA KEDAH DARUL AMAN





PRO-CANSELOR



**YANG TERAMAT MULIA DATO' SERI DIRAJA
TAN SRI TUNKU PUTERI INTAN SAFINAZ
BINTI ALMARHUM SULTAN ABDUL HALIM
MU'ADZAM SHAH**

DKH., DKYR., SHMS., SSDK., PSM., PAT., JP., HON.
Ph.D (UUM), HON. Ph.D (KUIN),
HON. Ph.D (UPNM)

TUNKU TEMENGGONG KEDAH

PRO-CANSELOR

YANG AMAT BERBAHAGIA
TUN DATO' SRI (DR.) AHMAD FAIRUZ
DATO' SHEIKH ABDUL HALIM





PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

YANG BERBAHAGIA
DATO' PROF. DR. SUDIN HARON



NAIB CANSELOR

YANG BERBAHAGIA
PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR
BIN HAJI ABDUL GHANI

AHLI Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

LAPORAN
TAHUNAN
2019
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA



YANG BERTHORMAT
DATO' PADUKA AMMAR
DATO' SHAIKH MAHMOOD NAIM



YANG BERBAHAGIA
DATO' PROF. DR. SUDIN HARON
Pengerusi



YANG BERBAHAGIA
PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR
HJ. ABDUL GHANI



YANG BERUSAHA
DR. ZAID OMAR



YANG BERUSAHA
PUAN NOR ENI ISMAIL
Mulai 15/3/2019



YANG BERBAHAGIA
DATO' MUZAMMIL MOHAMAD



**YANG BERUSAHA
DR. MOHAMAD SALMI
MOHD. SOHOD**



**YANG BERUSAHA
ENCIK SHAH HAKIM ZAIN**



**YANG BERUSAHA
PROF. DR. MOHD. ZAINI
ABD. KARIM**



**YANG BERUSAHA
ENCIK BAHARUDIN YAACOB**
Setiausaha

Ahli Lembaga Pengarah Universiti

PENGERUSI

Yang Berbahagia Dato' Prof. Dr. Sudin Haron

AHLI

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Hj. Abdul Ghani

Yang Berhormat Dato' Paduka Ammar Dato' Shaikh Mahmood Naim
(Mulai 1 Februari 2019)

Yang Berusaha Dr. Zaid Omar

Yang Berusaha Puan Nor Eni Ismail
(Mulai 15 Mac 2019)

Yang Berbahagia Dato' Muzammil Mohamad

Yang Berusaha Dr. Mohamad Salmi Mohd. Sohod

Yang Berusaha Encik Shah Hakim Zain

Yang Berusaha Prof. Dr. Mohd. Zaini Abd. Karim
(Mulai 15 Julai 2019)

Yang Berusaha Encik Nik Mohd Hasyudeen Yusoff
(17 September 2019 - Meletak Jawatan)

Yang Berusaha Encik Shaifubahrim Mohd Saleh
(Sehingga 30 September 2019)

Yang Berusaha Prof. Dr. Abdul Razak Yaakub
(3 Jun 2019 - Meninggal Dunia)

SETIAUSAHA

Yang Berusaha Encik Baharudin Yaacob

Senarai Jawatankuasa Pengurusan Universiti

Pengerusi

Naib Canselor

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani

Ahli

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad

Bendahari

Tuan Hj Amron Man
(sehingga 12 Julai 2019)

Pemangku Bendahari

Puan Eylani Ahmad
(mulai 13 Julai 2019)

Ketua Pustakawan

Encik Salleh Hudin Mustaffa

Penolong Naib Canselor UUM College of Arts and Sciences

Prof. Dr. Huda Haji Ibrahim

Pemangku Penolong Naib Canselor UUM College of Business

Prof. Madya Dr. Salniza Md. Salleh

Penolong Naib Canselor UUM College of Law, Government and International Studies

Prof. Madya Dr. Muhammad Fuad Othman

Pengarah Kanan

Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan

Prof. Madya Dr. Hijattulah Abdul Jabbar

Penasihat Undang-Undang

Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayub

Pengarah UUMKL

Prof. Dr. Shahimi Mohtar

Setiausaha

Pengarah Jabatan Canselori

Ahmad Rasidi Abdullah
(sehingga 31 Oktober 2019)

Mohd. Zamri Ahmad
(mulai 1 November 2019)

Senarai Ahli Senat Universiti

PENGERUSI

Naib Canselor

Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Haji Abdul Ghani

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Prof. Dr. Yusnidah Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad

Penolong Naib Canselor dan Dekan Pusat Pengajian Pengkomputeran

Prof. Dr. Huda Haji Ibrahim

Pemangku Penolong Naib Canselor dan Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan

Prof. Madya Dr. Salniza Md. Salleh
(mulai 1 Oktober 2019)

Penolong Naib Canselor dan Dekan Pusat Pengajian Antarabangsa

Prof. Madya Dr. Muhammad Fuad Othman

DEKAN

Dekan Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences

Prof. Dr. Ku Ruhana Ku Mahamud

Dekan Pusat Pengajian Sains Kuantitatif

Prof. Madya Dr. Mohd Kamal Mohd Nawawi

Dekan Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah

Prof. Dr. Shukri Ahmad

Dekan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden

Prof. Madya Dr. Fauziah Abdul Rahim

Dekan Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi

Prof. Madya Dr. Mohd Sobhi Ishak

Dekan Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial

Dr. Abdul Razak Abd Manaf

Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Industri Kreatif dan Seni Persembahan

Dr. Ahmad Hisham Zainal Abidin

Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni UUM CAS

Dr. Bahtiar Mohamad

Dekan Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business

Prof. Dr. Shahizan Hassan

Dekan Pusat Pengajian Perniagaan Islam

Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md. Hussain

Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik

Prof. Madya Dr. Nor Hasni Osman

Dekan Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan

Prof. Dr. Russayani Ismail

Dekan Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz

Prof. Madya Dr. Rose Shamsiah Samsudin

Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni UUM COB

Dr. Herman Shah Anuar

Dekan Ghazali Shafie Graduate School of Government

Prof. Madya Dr. Rusdi Omar

Dekan Pusat Pengajian Kerajaan

Prof. Madya Dr. Zainal Md. Zan

Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Acara

Dr. Johan Afendi Ibrahim

Dekan Pusat Pengajian Undang-Undang

Dr. Rohana Abdul Rahman

Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni UUM COLGIS

Dr. Mohd Dino Khairri Shariffuddin

PENGARAH

Pengarah UUM Kampus Kuala Lumpur

Prof. Dr. Shahimi Mohtar

Pengarah Institut Pengurusan Kualiti

Prof. Dr. Sany Sanuri Mohd. Mokhtar

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Prof. Dr. Nor Aziah Abdul Manaf

Pengarah Pusat Pendidikan Profesional dan Lanjutan (PACE)

Prof. Madya Dr. Halim Mad Lazim

Pengarah UUM Information Technology (UUMIT)

Encik Kamarudin Abdullah

Pengarah Pusat Kerjasama Universiti-Industri

Prof. Madya Dr. Marlin Marissa Malek
Abdul Malek

Pengarah Pusat Ko-Kurikulum

Prof. Madya Dr. Hussin Abdullah

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Dr. Massudi Mahmuddin

Pengarah Pusat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa

Prof. Madya Dr. Mohamad Farizal Rajemi

Pengarah Pusat Pengajaran Pembelajaran Universiti

Prof. Madya Dr. Muhamad Shahbani Abu Bakar

Pengarah (Dekan) Akademi Golf Nasional

Prof. Madya Dr. Azman Yasin

Pengarah Pusat Asasi Pengurusan

Prof. Madya Dr. Munif Zarirruddin Fikri Nordin



PROFESOR

Prof. Dr. Zurni Omar
Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya
Prof. Dr. Abdul Malek Hj Abdul Karim
Prof. Dr. Rosna Awang Hashim
Prof. Dr. Suhaidi Hassan
Prof. Dr. Abdull Sukor Shaari
Prof. Dr. Mohd Zaini Abd Karim
Prof. Dr. Roslan Abdul Hakim
Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki
Prof. Dr. Muhamad Ali Embi
Prof. Dr. Nur Adiana Hiau Abdullah

Pengarah Jabatan Strategik dan Pembangunan Perniagaan

Prof. Madya Dr. Hijattulah Abdul Jabbar

Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultanah Bahiyah

Encik Salleh Hudin Mustaffa

Bendahari

Tuan Hj Amron Man
(sehingga 12 Julai 2019)

Pemangku Bendahari

Puan Eylani Ahmad
(mulai 13 Julai 2019)

Pendaftar

Encik Baharudin Yaacob

Penasihat Undang-Undang

Prof. Madya Dr. Zainal Amin Ayub

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (TURUT HADIR)

Mohd Khairil Abdul Karim
Naib Yang DiPertua 1

Mohd Anwar Seenii Abd. Kathar
Timbalan Yang Dipertua 1


SETIAUSAHA

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Akademik

Encik Mohd Zamri Ahmad
(sehingga 31 Oktober 2019)

Puan Azian Nafiah


(mulai 1 November 2019)






Carta Organisasi Universiti Utara Malaysia

Carta Organisasi Universiti Utara Malaysia




KEMAS KINI 26 NOVEMBER 2019





Aluan Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti





Universiti Utara Malaysia masih mengekalkan prestasi dan pencapaian yang memberangsangkan sepanjang tahun 2019.

Saya amat berbangga kerana segala tadbir urus dilakukan dan dilaksanakan dengan penuh integriti dan cekap sehingga berjaya membawa pelbagai kemajuan dalam membawa jenama UUM ke persada antarabangsa. Pelbagai perancangan turut dilakukan dalam memastikan segala usaha yang diatur dapat dilaksanakan dengan baik dan sempurna.

Sebagai Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Universiti, saya dan kesemua Ahli Lembaga Pengarah akan sentiasa memberikan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam memastikan segala kejayaan UUM ini. Selain mendokong wawasan negara, Universiti ini juga sentiasa berusaha untuk menjana pendapatan sendiri melalui pelbagai pelan perniagaan yang diatur oleh anak syarikat iaitu Uniutama Management Holdings Sendirian Berhad (UMHSB).

Saya percaya dengan adanya kerjasama erat dengan semua pihak, segala perancangan yang telah diatur akan dicapai bagi memastikan para pemegang taruh sentiasa berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi oleh Universiti Utara Malaysia.



Laporan Naib Canselor



Sejak penubuhannya lebih 30 tahun lalu, Universiti keenam negara sentiasa berusaha untuk menjadi antara yang terbaik bukan sahaja dalam kalangan Universiti Awam di Malaysia malah di peringkat antarabangsa. Dan untuk menjadi yang terbaik dalam kalangan yang terbaik khususnya bagi sebuah universiti yang telah ditentukan fokusnya, bukanlah satu tugas yang mudah. Namun dengan usaha berterusan tanpa mengenal lelah, tidak mustahil Universiti Utara Malaysia atau UUM boleh menjadi Harvard University of the East.

Melalui perancangan yang telah diatur berdasarkan empat teras utama dalam Pelan Strategik UUM Fasa 2 (2016-2020) – Teras 1: Mempertingkatkan Kesarjanaan dan Pengantarabangsaan; Teras 2: Pembangunan Modal Insan dan Pembangunan Bakat; Teras 3: Membangun Mahasiswa Secara Holistik dan Hubungan dengan Alumni; dan Teras 4: Kelestarian Kewangan – saya percaya UUM yang berada jauh di Utara Semenanjung Malaysia ini mampu pergi lebih jauh untuk mencapai aspirasi sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka bukan sahaja dalam negara malah ke peringkat antarabangsa. Pemantauan rapi dilakukan oleh urus setia, iaitu Institut Pengurusan Kualiti, bagi memastikan setiap pusat pengajian (PP) dan pusat tanggungjawab (PTJ) dapat melaksanakan segala agenda yang dirancang khususnya bagi menyokong beberapa agenda tertentu seperti MyRA, SETARA, QS Rankings, QS Ratings, THE Rankings dan UI GreenMetric Ranking.

Hal ini dibuktikan dengan peningkatan ranking antarabangsa walaupun terpaksa bersaing dengan universiti-universiti terkemuka tempatan mahupun antarabangsa. Antaranya UUM berjaya memperbaiki kedudukan dalam Quacquarelli Symonds World University Rankings (QSWUR) 2020 apabila berada dalam kalangan 500 universiti terbaik dunia berbanding 600 sebelum ini. Pencapaian ini sememangnya amat membanggakan kerana UUM terus menunjukkan lonjakan demi lonjakan yang konsisten dalam QSWUR sejak disenaraikan pada 2016. Malah kedudukan UUM dalam ranking QS World University Rankings Asia 2020 turut meningkat apabila berada di kedudukan 116 berbanding 128 pada tahun lalu.



Bukan itu sahaja, ranking dalam Times Higher Education (THE) turut memperlihatkan lonjakan yang agak memuaskan. Dalam THE Emerging Economies University Rankings 2019, UUM berada dalam kelompok 201-250 berbanding edisi sebelumnya iaitu pada kedudukan 251-300. Malah, UUM yang buat julung kalinya tersenarai pada kedudukan 201-250 dalam THE Young University Rankings 2019 amat mengagumkan memandangkan usia Universiti yang baru menjangkau 35 tahun. UUM turut mengukuhkan kedudukannya dalam THE Asia-Pacific University Rankings 2019 apabila melonjak ke kedudukan 201-250 pada tahun ini berbanding kedudukan 251+ tahun lalu.

Yang paling membanggakan adalah apabila UUM disenaraikan sebagai salah sebuah universiti terbaik dunia dalam bidang “Business and Economics” oleh Times Higher Education (THE) World University Rankings by Subject 2020 sehingga berjaya mengatasi sebuah Universiti Penyelidikan yang juga dianggap antara universiti awam yang berpengaruh dalam bidang ekonomi.

Selain itu juga, kedudukan UUM sebagai universiti hijau terbaik di peringkat dunia melonjak ke tangga 64 dunia dalam UI GreenMetric World University Rankings 2019. Kedudukan Universiti meningkat 12 anak tangga berbanding kedudukan ke-76 pada tahun lalu yang turut menempatkan diri pada kedudukan keempat di Malaysia. Peningkatan yang agak konsisten ini membuktikan bahawa UUM akan terus memberi fokus untuk meningkatkan kedudukan Universiti ini sejajar dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Seperti yang dimaklumi, penyelidikan merupakan antara komponen penting dalam sesebuah universiti. Sehubungan itu, hasil penyelidikan yang dibuat UUM amat penting bagi memastikan dapat disebarluaskan kepada masyarakat sejagat. Begitu juga dengan mutu penyelidikan yang dihasilkan. Walaupun UUM merupakan Universiti Berfokus, namun mutu penyelidikan yang dihasilkan para pensyarah tidak boleh dipandang ringan. Hal ini terbukti apabila penyelidikan-penyelidikan berkenaan mendapat pengiktirafan seperti berikut:

- (i) UUM meraih sembilan Emas, satu Perak dan satu Gangsa daripada 12 produk penyelidikan yang dipertandingkan di Persidangan dan Ekspo Antarabangsa Ciptaan Institut Pengajian Tinggi (PECIPTA) 2019 yang berlangsung pada 22-23 September 2019 di Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Johor. PECIPTA 2019 ini juga telah menobatkan produk reka cipta UUM iaitu Makan@Local Chatok oleh Dr. Siti Mahfuzah Sarif, Dr. Mohamad Farhan Mohamad Mohsin, Prof Madya Dr. Syamsul Bahrin Zaibon, Dr. Shafinah Farvin Packeer Mohamed dan Dr. Zurina Hanafi sebagai penerima Anugerah Khas PECIPTA`19. Secara keseluruhan, UUM telah mencipta sejarah tersendiri apabila lebih 90% produk yang dipertandingkan telah berjaya menerima pengiktirafan.
- (ii) Projek bertajuk “Explore, Discover, Develop (ExDiD): Fostering Active Learning” hasil penyelidikan pensyarah dari Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS) yang diketuai Prof. Dr. Haslinda Ibrahim bersama Dr. Masnita Misiran dan Dr. Norhayati Yusof telah melayakkan mereka merangkul gelaran johan bagi Kategori Pengajaran Transformasi pada Anugerah Khas YB Menteri Pendidikan Malaysia: Rekabentuk Kurikulum dan Penyampaian Inovatif (AKRI 2019).
- (iii) Projek Psychosocial Training Manual for Volunteers (PsyCoT-M) dan Modul Konsultasi Terapeutik Keluarga yang diketuai Prof. Dr. Noor Azniza Ishak, Profesor dari Pusat Pengajian Psikologi Sosial, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP), berjaya merangkul pingat emas pada Educational Technology Counseling Innovation International Symposium di Brunei Darussalam.
- (iv) UUM berjaya merangkul 12 pingat emas pada Pameran Innovative Research, Invention and Application (I-RIA) 2019.

- (v) Pusat Kokurikulum merangkul tiga pingat emas bagi produk pembelajaran kokurikulum pada Persidangan Kebangsaan Kokurikulum Universiti 2019 (NUCC 2019) yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia. Produk I-SpiReL turut dipilih sebagai pemenang tempat pertama Pertandingan Inovasi PdP Kokurikulum dianjurkan Majlis Kokurikulum Universiti-Universiti Malaysia (UniCC) dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi dan UPM.

Bagi memastikan UUM terus aktif dalam menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi, pendanaan amat diutamakan. Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan geran penyelidikan. Pada tahun 2018, geran penyelidikan yang diterima daripada dalam dan luar negara meningkat sebanyak 8.9 % berbanding tahun sebelumnya. Sebanyak RM10,467,887.40 diterima di mana RM836,221 adalah merupakan geran penyelidikan antarabangsa. Berbanding tahun 2018, keseluruhan geran yang diterima adalah sebanyak RM8,756,766.63 dengan geran antarabangsa hanya berjumlah RM258,770.20. Daripada perbandingan ini, dapat dilihat peningkatan terhadap penerimaan geran penyelidikan peringkat antarabangsa iaitu sebanyak 52%. Pencapaian yang sememangnya amat membanggakan hasil penat lelah warga Universiti bagi membantu UUM mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Selain daripada peningkatan dana melalui geran penyelidikan, mulai tahun ini UUM turut diberikan kepercayaan untuk melaksanakan kutipan dana wakaf menerusi penubuhan Skim Dana Wakaf UUM selepas termeterai majlis menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara UUM dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) yang disaksikan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Tuanku Raja Muda Kedah Darul Aman. Melalui skim itu, UUM telah diberikan kelulusan untuk mengumpul dana wakaf di UUM dan menguruskan dana tersebut bagi tujuan kerohanian, kebajikan, pendidikan, kesihatan dan kepentingan warga universiti.

Dalam usaha meningkatkan imej di peringkat antarabangsa, UUM turut mengadakan kerjasama erat dengan kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. Hal ini bagi memastikan masyarakat negeri ini turut mendapat manfaat daripada kewujudan Universiti awam di kawasan utara Semenanjung Malaysia ini. Kerjasama dijalinan melalui Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan (ECoFI) dengan Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah yang akan melaksanakan kajian agar daerah Baling dimajukan sebagai pusat pertanian negeri. Geran penyelidikan yang diberi adalah bagi menjayakan hasrat kerajaan negeri untuk memajukan negeri Kedah melalui Pelan Pembangunan Negeri Kedah 2019-2035. Selain itu juga, UUM turut mengadakan perbincangan dengan PKT Logistics Group Sdn. Bhd. bagi mengadakan projek yang akan memberi manfaat bukan sahaja kepada kerajaan Negeri malah UUM dan syarikat berkenaan. UUM turut melaksanakan program 1 Pusat Pengajian 1 Daerah (1PP1D) yang akan dapat membantu membangunkan masyarakat di semua daerah yang terdapat di negeri Kedah bagi menaik taraf kesemua daerah melalui perkongsian kepakaran demi manfaat masyarakat.

Malah, UUM turut melaksanakan beberapa projek yang dapat membantu masyarakat khususnya yang kurang berkemampuan seperti ibu tunggal untuk meningkatkan pendapatan mereka. Antaranya seperti projek baju Kedah bermotifkan batik Sintok yang akan membantu dan memberi nilai tambah kepada penduduk di daerah Pendang khususnya ibu tunggal dan suri rumah di daerah berkenaan. Rekaan batik ini berilhamkan empat tumbuhan utama yang terdapat di Sintok iaitu pokok Sintok, buah Sintok, bunga kertas dan daun bunga kertas. UUM juga telah mengadakan program Sekolah Kolaborasi Universiti di Sekolah Kebangsaan Bukit Pinang, Kepala Batas, Alor Setar dengan tujuan meningkatkan prestasi akademik pelajar di sekolah berkenaan. Program ini dibuat untuk mendekatkan sekolah dan universiti dengan masyarakat. Selain itu juga, peserta baktisiswa yang terdiri daripada pelajar turut memberikan sumbangan kepada

masyarakat dua Jerlun, Kedah apabila berjaya membangunkan aplikasi mudah alih yang diberi nama “e-Aduan@Jerlun” sebagai simbol universiti untuk masyarakat dan juga komuniti. Penyertaan kali pertama UUM di pameran Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition (LIMA ‘19) turut menarik minat pelbagai agensi untuk bekerjasama dengan UUM seperti Kementerian Sumber Manusia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, UiTM dan Universiti-universiti di Selatan Australia.

Bagi meningkatkan lagi reputasi dan jenama Universiti di peringkat antarabangsa, UUM turut menjalinkan kerjasama dengan beberapa Universiti luar negara seperti University of Hull, Qatar University dan juga Lembaga Pengembangan Pendidikan (LPP) Provinsi Nusa Tenggara Barat (NTB) Indonesia. Kerjasama ini bukan sahaja melibatkan pertukaran pelajar dan staf malah melibatkan penyelidikan dan pembangunan akademik yang memanfaatkan semua pihak. Selain institusi pendidikan, UUM turut mengadakan kerjasama dengan syarikat swasta seperti Qatar Airways dan juga DreamEDGE Sdn. Bhd.

Sesungguhnya pembangunan modal insan amat dititikberatkan oleh Universiti ini. Oleh sebab itulah UUM sentiasa menitikberatkan bukan sahaja pencapaian akademik malah pemerksaan bakat yang dimiliki para pelajar. Hal ini dibuktikan melalui peningkatan jumlah graduan kelas pertama di Majlis Konvokesyen ke-32 UUM, iaitu seramai 649 orang (14.53%) manakala kelas kedua atas pula mencatat 72.28% atau seramai 3,228 orang daripada 4,466 graduan ijazah sarjana muda.

Melalui pemerksaan bakat pula, pelajar UUM telah mencapai pencapaian yang memberangsangkan seperti berikut:

- (i) Nurul Husna Mohd Fauzi, pelajar Sarjana Muda Sains (Teknologi Maklumat) dari Pusat Pengajian Pengkomputeran UUM telah berjaya membangunkan satu sistem bagi menggantikan kaedah manual tersebut iaitu Smart Attendance System bagi mencatat rekod kehadiran ke kelas.
- (ii) Siti Fatimah Abdul Aziz, pelajar tahun dua program Ijazah Sarjana Muda Falsafah, Undang-undang dan Perniagaan, telah terpilih menjadi sukarelawan YSS-ASEAN Students Volunteer Mission ke Vietnam dari 3 Julai – 8 Ogos 2019. Beliau merupakan antara 437 mahasiswa dan guru pelatih seluruh negara yang terpilih dalam program YSS-ASEAN Green Summer Volunteer Campaign anjuran Kementerian Pendidikan.
- (iii) Pelajar Akademi Golf Nasional UUM (UUMNGA), Umar Khusairi Mohammad Kamal, telah menjuarai Kejohanan Golf RPGC-Taiwan Fructose Junior Golf Championship 2019 bagi kategori bawah 19 tahun.
- (iv) Faiz Fadzil, pelajar semester tiga jurusan Perakaunan (Sistem Maklumat), berjaya merangkul Anugerah Pelakon Lelaki Terbaik sempena Festival Teater Negeri Kedah yang berlangsung baru-baru ini di Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara Kedah (JKKN).
- (v) Pasukan Advokasi dan Mut yang terdiri daripada empat pelajar program Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB Hons.) dari Pusat Pengajian Undang-undang telah berjaya menjadi johan pertandingan “The 16th International Humanitarian Law Moot Court Competition” yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) apabila mengalahkan pasukan dari Universiti Malaya (UM). Kali terakhir Universiti ini menjuarai pertandingan ini adalah pada 2009, iaitu 10 tahun yang lalu.
- (vi) Pasukan Debat Bahasa Melayu telah merangkul gelaran johan Pertandingan Debat Gerakan Pengguna Siswa (GPS) Sempena Mini Karnival Kepenggunaan KPDNHEP Peringkat Zon Utara 2019.
- (vii) UUM muncul juara keseluruhan dalam program Higher Education English Language 2019 (HE ELCA 2019). Persembahan penuh bertenaga dan unik melayakkan kumpulan Western Dikir mendapat tempat pertama seterusnya meraih pingat emas dan gangsa dalam Photojournalism.

- (viii) Tim Bescafé telah memenangi hadiah wang tunai RM20,000 dan anugerah Super Barista Grand Champion di Majlis Anugerah Nescafé Youth Entrepreneurship Programme (NYEP) 2019.

Adalah menjadi harapan Universiti untuk melahirkan graduan yang dapat memenuhi keperluan industri sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan. Dalam hal ini, UUM boleh berbangga kerana 28 daripada 30 pelajar yang menjalani latihan praktikum di Maybank telah diserap menjadi pekerja tetap organisasi besar berkenaan. Mereka merupakan pelatih yang dihantar ke bank berkenaan di bawah “Structured Internship Program” yang dibuat khas untuk pelajar-pelajar UUM. Selain itu juga, program “Smart Truckers” yang dibuat dengan kerjasama PKT Logistics Group Sdn. Bhd. memperlihatkan perkembangan yang memberangsangkan.

UUM turut berbangga kerana warga UUM, alumni dan tokoh yang terlibat dengan Universiti ini diiktiraf peranan mereka oleh badan-badan profesional dan antarabangsa. Mereka ialah:

- (i) Datuk Michael Tio, Profesor Adjung UUM dan CEO@Faculty UUM, merangkul anugerah Best CEO Award di Majlis Apresiasi AixCHANGE: CEO@Faculty Programme Tahun 2019.
- (ii) Dato’ Muzammil Mohamad, Alumni UUM yang juga ahli Lembaga Pengarah Universiti, telah disenaraikan dalam WACE Co-op Hall of Fame bagi tahun 2019-2020.
- (iii) Raja Azura Raja Mahayuddin, Alumni UUM, dipilih sebagai 2019 Influential Leader oleh AACSB International (AACSB).
- (iv) Shazmi Ali Sardar Ali, alumni dalam jurusan Pengurusan Sumber Manusia tahun 1999, diiktiraf sebagai “Top 100 Global HR Leaders” dalam Global Human Resource Awards 2018.
- (v) Dr. Sabri Minal, staf akademik dari Pusat Pengajian Pengkomputeran (SoC), menerima “President’s Award 2018” dan “Functional Control System Awards 2018” untuk tesis PhD terbaik daripada Shibaura Institute of Technology, Jepun.
- (vi) Prof. Dr Ku Ruhana Ku Mahamud, Profesor di Pusat Pengajian Pengkomputeran, dilantik menjadi Profesor Adjung di Shibaura Institute of Technology, Jepun.
- (vii) Prof. Ts. Dr. Norazah Mohd Suki, Profesor di Othman Yeop Abdullah Graduate School of Business (OYAGSB), menjadi penerima tunggal dari UUM menerima geran penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental – Malaysia’s Research Star Award (FRGS-MRSA) 2018.
- (viii) Prof. Madya Dr. Ariffin Abdul Mutalib, pensyarah di Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi (SMMTC), diiktiraf antara “251 Fabulous Global Education Leader” oleh World Education Congress.
- (ix) Dr. Risyawati Mohamed Ismail, pensyarah kanan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik (STML), dilantik sebagai pakar rujuk halal sempena persidangan 3rd International Halal Technical Capacity Development Programme (IHTCDP). Pengarah FInDER (Food Security, Innovation & Development Research Centre), iaitu satu unit penyelidikan di STML yang berfokuskan penyelidikan dalam bidang jaminan makanan, inovasi dan pembangunan, ini berpengalaman selama 12 tahun dalam industri halal dan merupakan saintis makanan yang disahkan serta tenaga pengajar halal yang diiktiraf oleh JAKIM.
- (x) Prof. Dr. Rosylin Mohd Yusof, Profesor di UUMKL, menerima anugerah Emerald Literati Award 2019 dari Emerald Publishing.
- (xi) Mohd Fairus Abd Majid, Ketua Penolong Pendaftar, satu-satunya penerima

dari UUM yang menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (P.P.C.) yang disampaikan Menteri Pendidikan Malaysia sempena Majlis Sambutan Hari Integriti Kementerian Pendidikan Malaysia Tahun 2019.

Bekerja dengan baik, sempurna dan teliti merupakan antara prinsip yang dipegang oleh warga Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam usaha untuk memastikan UUM cemerlang sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam yang disegani. Dengan semangat yang ada, UUM yang telah melalui pelbagai fasa pembangunan, terus mengorak langkah untuk merealisasikan visi yang termaktub, iaitu menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka di peringkat nasional dan juga antarabangsa.

Tahun 2019 menentukan pacuan terakhir sebelum Pelan Strategik UUM Fasa II (2016-2020) mencapai kemuncaknya pada tahun 2020. Saya amat berbangga kerana pelbagai perancangan yang dibuat mula menunjukkan hasil yang agak memberangsangkan dan UUM akan sentiasa memastikan segala perancangan yang diatur dapat berjalan dengan baik.

Setiap langkah yang dilalui, warga UUM berdepan dengan pelbagai cabaran terutamanya dari segi kewangan dan juga perubahan kesan daripada Revolusi Industri 4.0. Pada masa yang sama warga UUM juga berdepan dengan pelbagai peluang untuk memperkasakan diri dan melaksanakan tanggungjawab kepada pemegang taruh yang menaruh harapan tinggi agar piagam pelanggan dikota dengan baik.

UUM akan terus memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada semua pemegang taruh khususnya dalam penyebaran ilmu pengetahuan dan kebertanggungjawaban terhadap masyarakat dan negara. Usaha memperbaiki kualiti perkhidmatan terutamanya kepada pelajar merupakan proses berterusan dan akan sentiasa dilakukan tanpa jemu. Hal ini kerana kami percaya, selaku pemegang taruh terbesar dan juga pelanggan, kepentingan dan kebajikan mereka akan sentiasa menjadi keutamaan kami.

Oleh yang demikian, segala pencapaian yang dimuatkan dalam laporan ini menggambarkan usaha gigih yang ditunjukkan oleh setiap warga Universiti bagi memastikan perancangan yang telah diatur dapat dicapai. Sesungguhnya kesemua kejayaan ini tidak dapat dicapai andai tiada sokongan dan kerjasama diberi bukan sahaja oleh warga UUM. Oleh yang demikian, ucapan penghargaan saya ucapkan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia, Lembaga Pengarah Universiti, pengurusan tertinggi universiti dan rakan industri yang memberikan sokongan tidak berbelah bahagi dalam usaha Universiti ini menjadi Universiti Pengurusan Terkemuka.





Pada tahun 2019, sejumlah 49 Memorandum Persefahaman (MoU), Memorandum Perjanjian (MoA) dan Perjanjian Penyelidikan (Research Agreement) telah ditandatangani antara UUM dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara.

Bagi institusi dalam negara, UUM telah menandatangani sebanyak 12 memorandum iaitu MoA (1), MoU (10) dan Perjanjian Penyelidikan (1).

Manakala 37 lagi dibuat dengan institusi luar negara yang merangkumi 5 MoA dan 32 MoU. Tujuan kerjasama meliputi pelbagai program seperti pertukaran pelajar, felo pelawat, program kerjasama, penyelidikan dan penganjuran seminar dan persidangan.

SENARAI MoU DAN MoA DENGAN INSTITUSI DALAM NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN MOU/MOA
1	Majlis Agama Islam Negeri Kedah	BSD	MoA
2	DreamEdge Sdn. Bhd.	SOC	MoU
3	Global Asia Centre Sdn. Bhd.	CIAC	MoU
4	Hubungan Industri-Malayan Banking Berhad	CUIC	MoU
5	Ingeniworks Sdn. Bhd.	SOC	MoU
6	Joe Sidek Productions Sdn. Bhd.	STHEM	MoU
7	Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	STML	MoU
8	Malaysian Association of Hotels	OYAGSB	MoU
9	Malaysian Integrated Business College	STHEM	MoU
10	PKB Hotel Management & Services Sdn. Bhd.	STHEM	MoU
11	Putrajaya Leisure & Services Group	STHEM	MoU

SENARAI PERJANJIAN PENYELIDIKAN DENGAN INSTITUSI DALAM NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN MOU/MOA
1	Universiti Malaysia Terengganu	CUIC	Research Agreement

SENARAI MoU DAN MoA DENGAN INSTITUSI LUAR NEGARA

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN MOU/MOA
1	Universitas Brawijaya	SOG	MoA
2	Universitas Prima Indonesia	SOIS	MoA
3	Universitas Islam Bandung (UNISBA)	TISSA	MoA
4	University of Tehran	SMMTC	MoA
5	Telkom University	AHSGS	MoA
6	Bangor University	SOL	MoU
7	Burgundy School of Business	OYAGSB	MoU
8	Deakin University	SBM	MoU
9	Dhurakij Pundit University	AHSGS	MoU
10	Hamm-Lippstadt University of Applied Sciences	STML	MoU
11	High National School of Statistic and Applied Economy	SQS	MoU
12	Institute of Chartered Accountants in England and Wales	TISSA	MoU
13	ISCTE-University Institute of Lisbon	OYAGSB	MoU
14	Japan Advance Institute of Science and Technology (JAIST)	STML	MoU
15	Lembaga Pengembangan Pendidikan Nusa Tenggara Barat	CIAC	MoU
16	National Sun Yat-Sen University	STML	MoU
17	National Tsing Hua University	STML	MoU
18	Sekolah Tinggi Pariwisata Bandung	STHEM	MoU

BIL.	NAMA AGENSI	PUSAT TANGGUNGJAWAB	JENIS PERJANJIAN MOU/MOA
19	Shahjalal University of Science and Technology, Bangladesh	SQS	MoU
20	Thaksin University	SOG	MoU
21	The American University in Cairo	SBM	MoU
22	The National Institute of Development Administration	SOG	MoU
23	Universitas Airlangga (UNAIR)	SAPSP	MoU
24	Universitas Batanghari	SOL	MoU
25	Universitas Brunei Darussalam	SOC	MoU
26	Universitas Ciputra	STHEM	MoU
27	Universitas Dian Nuswantoro	SOIS	MoU
28	Universitas Djuanda	SOL	MoU
29	Universitas Hasanuddin	GSGSG	MoU
30	Universitas Islam Bandung	SBM	MoU
31	Universitas Muslim Nusantara Al-Washliyah	SOL	MoU
32	Universitas Slamet Riyadi	SOG	MoU
33	Universitas Syiah Kuala	SEML	MoU
34	University Grants Commission of Bangladesh	CIAC	MoU
35	University of Hull	STML	MoU
36	University of Ibadan	SBM	MoU
37	University of Vaasa	CIAC	MoU



Kemasukan Pelajar


Jumlah kemasukan keseluruhan pelajar di UUM adalah seramai 7,541 bagi tahun 2019 iaitu 6,291 mengikuti pengajian sarjana muda manakala 1,250 orang lagi mengikuti pengajian pascasiswazah.

Bagi kemasukan peringkat sarjana muda, 4,887 mengikuti pengajian secara sepenuh masa di Kampus Sintok., 1,388 orang mengikuti Pengajian Jarak Jauh manakala 16 orang lagi mengikuti program Kerjasama. Manakala bagi pascasiswazah pula, seramai 902 pelajar mengikuti pengajian sarjana dan 348 lagi mengikuti pengajian lain di peringkat pascasiswazah.



KEMASUKAN KESELURUHAN PELAJAR TAHUN 2019



7,541





KEMASUKAN PELAJAR PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA TAHUN 2019

6,291







KEMASUKAN PELAJAR PROGRAM PASCASISWAZAH TAHUN 2019

1,250

Perbandingan kemasukan program pascasiswazah (sarjana) dengan program pascasiswazah (PhD, DBA, DMgmt dan DEd)




Perbandingan kemasukan program pascasiswazah mengikut kolej



PETUNJUK:

■ Sarjana

■ PhD, DBA, D.MGT & DEd.



Kemasukan P



elajar Antarabangsa

Jumlah kemasukan pelajar antarabangsa bagi tahun 2019 pula adalah seramai 643 orang dari 30 negara, iaitu 346 mengikuti pengajian pascasiswazah manakala 297 lagi mengikuti pengajian sarjana muda.

BIL	NEGARA	PASCASISWAZAH	SARJANA MUDA	JUMLAH
1.	Afrika Selatan	1	-	1
2.	Algeria	8	1	9
3.	Arab Saudi	2	3	5
4.	Australia	1	-	1
5.	Bangladesh	5	1	6
6.	Brunei	-	1	1
7.	China	26	40	66
8.	Eritrea	-	1	1
9.	Ethiopia	-	1	1
10.	India	1	1	2
11.	Indonesia	44	199	243
12.	Iran	3	-	3
13.	Iraq	33	-	33
14.	Jordan	9	-	9
15.	Kanada	-	1	1
16.	Kemboja	1	-	1
16.	Libya	1	-	1
17.	Maldives	1	-	1
18.	Mesir	2	-	2
19.	Nigeria	57	3	60
20.	Oman	2	-	2
21.	Pakistan	65	-	65
22.	Palestin	4	-	4
23.	Somalia	17	21	38
24.	Sri Lanka	2	-	2
25.	Sudan	1	-	1
26.	Thailand	4	11	15
27.	UAE	36	-	36
28.	Uzbekistan	1	2	3
29.	Yaman	16	10	26
30.	Zimbabwe	3	1	4
	JUMLAH	346	297	643




Enrolmen Pelajar

Dengan kemasukan pelajar seramai 7,541 pada tahun 2019, ini menjadikan jumlah keseluruhan pelajar di UUM 32,132 orang iaitu 27,311 orang terdiri daripada pelajar yang mengikuti pengajian sarjana muda sementara 4,821 orang lagi mengikuti pengajian pascasiswazah.



JUMLAH KESELURUHAN PELAJAR
UUM TAHUN 2019

32,132




Daripada 27,311 pelajar sarjana muda, 68% atau 18,682 mengikuti pengajian dalam kampus, 29% atau 7,920 merupakan pelajar yang mengikuti pengajian jarak jauh, 2% atau 504 orang merupakan pelajar yang mengikuti program kerjasama manakala 1% atau 205 orang mengikuti program eksekutif.

Bagi pengajian dalam kampus, 4,068 merupakan pelajar yang mengikuti program pengajian UUM CAS, 10,372 dari UUM COB manakala 4,242 merupakan pelajar yang mengikuti pengajian program di UUM COLGIS.




JUMLAH PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA

27,311



JUMLAH PELAJAR PERINGKAT PASCASISWAZAH

4,821



ENROLMEN PELAJAR ANTARABANGSA


Pada tahun 2019, jumlah pelajar antarabangsa yang mengikuti pelbagai program pengajian di UUM adalah seramai 2,314 orang yang berasal dari 50 buah negara. Daripada jumlah tersebut, 1,079 mengikuti pengajian sarjana muda manakala 1,235 lagi mengikuti pengajian pascasiswazah.

Pelajar dari Indonesia merupakan yang paling ramai mengikuti pengajian di Universiti ini iaitu seramai 556 orang diikuti China (422), Pakistan (246), Nigeria (204), Yaman (159), Somalia (132), Iraq (107), Thailand (83), Jordan (68) dan Algeria (53).



JUMLAH PELAJAR ANTARABANGSA

2,314



BIL.	NEGARA PELAJAR	PERINGKAT PENGAJIAN		JUMLAH
		PASCASISWAZAH	SARJANA MUDA	
1.	Afrika Selatan	2	-	2
2.	Algeria	49	4	53
3.	Arab Saudi	9	6	15
4.	Australia	1	-	1
5.	Bangladesh	30	16	46
6.	Cameroon	-	1	1
7.	Chad	-	1	1
8.	Chili	1	-	1
9.	China	101	321	422
10.	Djibouti	-	3	3
11.	Eritrea	1	1	2
12.	Ethiopia	-	1	1
13.	Filipina	1	-	1

BIL.	NEGARA PELAJAR	PERINGKAT PENGAJIAN		JUMLAH
		PASCASISWAZAH	SARJANA MUDA	
14.	India	7	1	8
15.	Indonesia	159	397	556
16.	Iran	4	-	4
17.	Iraq	106	1	107
18.	Ireland	1	-	1
19.	Itali	1	-	1
20.	Jerman	-	1	1
21.	Jordan	68	-	68
22.	Kanada	1	1	2
23.	Kemboja	1		1
24.	Kenya	2	2	4
25.	Libya	13	1	14
26.	Maldives	2		2
27.	Mauritania	-	23	23
28.	Mautitius	-	4	4
29.	Mesir	10	-	10
30.	Morocco	1	-	1
31.	Nigeria	178	26	204
32..	Oman	8	-	8
33.	Pakistan	245	1	246
34.	Palestin	20	2	22
35.	Qatar	1	-	1
36.	Singapura	-	1	1
37.	Somalia	28	104	132
38.	Sri Lanka	5	-	5
39.	Sudan	5	4	9
40.	Sweden	1	-	1
41.	Syria	5	1	6
42.	Tanzania	1	-	1
43.	Thailand	46	37	83
44.	Turki	2	-	2
45.	UAE	47	-	47
46.	Uganda	1	-	1
47.	Uzbekistan	1	13	14
48.	Venezuela	-	3	3
49.	Yaman	58	101	159
50.	Zimbabwe	12	1	13
JUMLAH KESELURUHAN		1,235	1,079	2,314



Majlis Konvokesyen

Majlis Konvokesyen Ke-32 telah berlangsung pada 19 hingga 23 Oktober 2019 di Dewan Mu'adzam Shah UUM.


Pada Majlis Konvokesyen kali ini, UUM turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Korporat) kepada Yang Berbahagia Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir dan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Perniagaan Antarabangsa) kepada Yang Berbahagia Dato' Khor Swee Wah @ Koh Bee Leng serta Profesor Emeritus kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Wira Dr. Mohd. Salleh Haji Din dan Profesor Emeritus kepada Yang Berbahagia Profesor Dato' Dr. Jamalludin Sulaiman.

Selain itu juga, seramai 5,757 orang graduan pascasiswazah dan sarjana muda telah dianugerahkan ijazah masing-masing. Maklumat terperinci adalah seperti berikut:

BIL	PERINGKAT PENGAJIAN	KOLEJ					
		UUM CAS	UUM COB	UUM COLGIS	PACE	OYAGSB	JUMLAH
1.	D.Mgmt.	2	4	-	-	-	6
2.	DBA	-	-	-	-	18	18
3.	Diploma Lepasan Ijazah	34	-	-	-	-	34
4.	Ph.D.	87	77	53	-	56	273
5.	Sarjana	479	280	133	-	68	960
6.	Sarjana Muda	755	1,927	897	887	-	4,466
JUMLAH		1,357	2,288	1,083	887	142	5,757




Pecahan Graduan UUM pada Majlis Konvokesyen ke-32



Pada Majlis Konvokesyen kali ini, daripada 4,466 graduan ijazah sarjana muda seramai 649 graduan merupakan penerima ijazah kelas pertama, 3,228 penerima ijazah kelas kedua manakala baki 589 orang pula penerima ijazah kelas kedua bawah.

Pelajar Sarjana Muda Mengikut Kelas Ijazah





Pencapaian Penyelidikan, Penerbitan Penyelidikan dan Inovasi

Kecemerlangan penyelidikan, penerbitan dan inovasi merupakan antara agenda utama Universiti Utara Malaysia (UUM) dalam menerajui kegemilangan ilmu agar terus kekal relevan dalam era IR 4.0. Saban tahun, dengan berpaksikan teras 'Ilmu Budi Bakti', UUM terus melipat gandakan usaha dan strategi untuk mencapai objektif utamanya menjadi pusat kecemerlangan, pusat rujukan dan pusat sumber yang terulung dalam bidang Pengurusan. Antara komponen teras dalam Amanat Menteri Pendidikan Tinggi Malaysia 2019 'Pendidikan untuk Semua, Tanggungjawab Semua', kecemerlangan penyelidikan adalah subkomponen pendidikan yang akan melonjakkan merit dan reputasi sesebuah Universiti.

Penubuhan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RIMC) bertindak sebagai platform yang kondusif untuk melahirkan dan menyuburkan budaya penyelidikan - memupuk dan memperkukuh insan penyelidik, kepimpinan penyelidikan serta sistem sokongan penyelidikan. Kewujudan ekosistem yang bersifat menyokong telah dan akan terus melahirkan budaya dan persekitaran penyelidikan yang berimpak tinggi dalam kalangan staf akademiknya serta menggalakkan penyelidikan yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat. UUM melalui RIMC berterusan menggalakkan penyelidikannya untuk mengadakan kolaborasi dengan rakan penyelidik luar, industri serta rakan pembiaya kebangsaan dan antarabangsa untuk melonjakkan merit dan reputasi penyelidikan ke tahap lebih cemerlang. Penyebaran pengetahuan kepada masyarakat dan komuniti seperti Indeks Sosial menjadi sebahagian budaya penyelidikan yang akan menyumbang kepada penyelesaian masalah masyarakat dan pembangunan negara.

Pada tahun 2019, pelbagai skim geran penyelidikan ditawarkan oleh pihak Universiti untuk membantu menggalakkan kakitangan akademik/penyelidik menjalankan kerja-kerja penyelidikan. Penyelidik-penyelidik juga digalakkan untuk memohon geran penyelidikan yang disediakan oleh pihak luar seperti agensi kerajaan, pihak swasta dan antarabangsa.


PENCAPAIAN PENYELIDIKAN

Pada tahun 2019, UUM berjaya memperoleh dana penyelidikan berjumlah RM10,467,887.40 dan perolehan dana-dana disasarkan berdasarkan kepada sumber berikut:

- i) Dana Universiti
- ii) Dana Kebangsaan
- iii) Dana Swasta/Industri
- iv) Dana Antarabangsa

Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding pada tiga tahun kebelakangan. Perbandingan pencapaian penyelidikan UUM dari tahun 2014 boleh dilihat melalui rajah berikut.

Rajah 1
Perbandingan Pencapaian Penyelidikan bagi Tahun 2014 hingga 2019



23	Penyelidikan Geran Antarabangsa	272,917	61,720	334,637
24	Peruntukkan Khas Penyelenggaraan	3,003,924	(1,017,853)	1,986,071
25	Skim Insentif Pasca Siswazah	496,570	(122,737)	373,833
26	Agihan Hasil Komersil	8,910,409	(889,121)	8,021,287
27	TPP Bakti	6,420	-	6,420
28	Tabung Zakat Bank Islam	77,779	-	77,779
29	Akaun Perundingan	608,303	(9,661)	598,642
30	Akaun Penerbitan	750,219	(202,287)	547,932
31	Kursi CIMB (Operasi)	274,642	(113,649)	160,994
32	Kursi KLSE (Operasi)	461,580	57,235	518,815
33	Aktiviti Perniagaan Pelajar (Operasi)	1,909,152	172,463	2,081,615
34	Nikko Sec. Co. L (Operasi)	273,133	9,327	282,460

BIL	BUTIRAN	BAKI PADA 1.1.2019 (RM)	PEGERAKAN DALAM TAHUN (RM)	BAKI PADA 31.12.2019 (RM)
35	Anugerah Kecemerlangan Akademik - ESSO	2,000	-	2,000
36	Akaun Institut COB	157,990	(28,239)	129,752
37	Akaun Expert Group COB	612,057	232,610	844,666
38	Akaun Expert Group CAS	475,240	(13,113)	462,127
39	Akaun Expert Group COLGIS	310,505	(68,788)	241,717
40	Tabung Endowment UUM	50,000	-	50,000
JUMLAH		110,194,315	8,859,143	119,053,458

Secara keseluruhan, akaun amanah di bawah kategori ekuiti berkurang sebanyak RM8.9 juta (8.0%) bagi tahun 2019.

KUMPULAN WANG PINJAMAN

Pinjaman Kepada Staf

Universiti telah menyediakan RM26.4 juta untuk pinjaman kenderaan, perumahan dan komputer untuk staf. Kedudukan pinjaman dan baki tabung pinjaman adalah seperti berikut :

BUTIRAN	NILAI TABUNG (RM JUTA)	BAKI PINJAMAN (RM JUTA)	BAKI TABUNG (RM JUTA)	BILANGAN STAF
Pinjaman Kenderaan	10.7	3.7	7.0	333
Pinjaman Perumahan	13.7	0.6	13.1	51
Pinjaman Komputer	2.0	0.14	1.86	58
JUMLAH	26.4	4.44	21.96	442

PELABURAN DALAM SUBSIDIARI

UUM memiliki pegangan penuh di dalam syarikat subsidiari iaitu Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. (UMHSB) yang mana aktiviti utama syarikat ini adalah pelaburan.

Jumlah pelaburan kumulatif dalam subsidiari ini bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah kekal sama seperti tahun 2018 iaitu sebanyak RM20.0 juta. Pecahan pelaburan adalah seperti berikut:

	UUM	
	2019 RM	2018 RM
Saham tidak disiarharga pada kos:-		
Saham Biasa	16,500,000	16,500,000
<i>Cumulative Preference Share @4% setahun</i>	3,500,000	3,500,000
	<u>20,000,000</u>	<u>20,000,000</u>

UMHSB memiliki 13 syarikat subsidiari dan aktiviti utama syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

NAMA	AKTIVITI UTAMA
Uniutama Property Sdn. Bhd.	Penyelenggaraan hartanah, perkhidmatan pembersihan, pengurusan hotel dan pelaburan.
Uniutama Education And Consultancy Sdn Bhd.	Menyediakan perkhidmatan latihan dan perundingan, perkhidmatan pengurusan, dan menjalankan operasi sebuah sekolah antarabangsa.
Uniutama Solution Sdn. Bhd.	Perkhidmatan memasang dan memasarkan komputer, menjalankan latihan dan perundingan berkaitan teknologi maklumat.
Managers Coffee Sdn. Bhd.	Coffeehouse dan pelaburan
Global Residences Sdn. Bhd.	Penyewaan Hartanah
Platinum Pinang Sdn. Bhd.	Perkhidmatan Hotel
Uniutama Travel & Tours Sdn. Bhd.	Perkhidmatan perjalanan dan pelancongan, penyewaan hartanah dan penyediaan makanan.
Uni Clean & Hygiene Sdn. Bhd	Perkhidmatan penyenggaraan kebersihan dan dobi
Sintok Agro Sdn. Bhd.	Perniagaan perladangan dan tapak semaian
Managers Coffee Langkawi Sdn. Bhd.	Coffeehouse
Unifilm Studio Sdn. Bhd.	Tidak Aktif
Unicreative and Advertising Sdn. Bhd	Rekabentuk dan pengiklanan
Uni Talent and Agent Sdn. Bhd	Tidak Aktif

Pada tahun berakhir 31 Disember 2019, Kumpulan UMHSB telah mencatatkan kerugian selepas cukai sebanyak RM3.6 juta dan keuntungan terkumpul ialah sebanyak RM21.7 juta.



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 39 telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) serta Perlembagaan Universiti Utara Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:

1. Berdasarkan kepada Nota 13 kepada Penyata Kewangan, termasuk dalam Pelbagai Penghutang adalah amaun berjumlah RM18,000,000 yang merupakan pelaburan jangka pendek *Redeemable Cumulative Preference Share @ 8%* berjumlah RM13,000,000 dan *Redeemable Convertible Cumulative Preference Share @ 4%* berjumlah RM5,000,000 masing-masing dalam syarikat subsidiari, Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. Pihak subsidiari telah gagal untuk membuat penebusan terhadap instrumen tersebut dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan perjanjian disebabkan kedudukan kewangan semasa syarikat subsidiari yang tidak membolehkan penebusan tersebut dibuat; dan
2. Dalam tahun kewangan semasa, syarikat subsidiari Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd telah mengalami kerugian berjumlah RM15,040,490. Setakat 31 Disember 2019, syarikat merekodkan kerugian terkumpul berjumlah RM7,365,047 dan liabiliti semasa bersih berjumlah RM6,638,335. Selain itu, Juruaudit syarikat subsidiari juga telah memberi penekanan terhadap "*Material Uncertainty Related to Going Concern*" dalam Sijil Juruaudit mereka. Nilai aset ketara bersih syarikat subsidiari pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM12,634,953.

Perkara dan peristiwa yang dinyatakan di atas memberi gambaran bahawa terdapat kemungkinan peruntukan rosot nilai pelaburan jangka pendek berjumlah RM18,000,000 dan kos pelaburan dalam syarikat subsidiari berjumlah RM20,000,000 perlu dibuat.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) serta Perlembagaan Universiti Utara Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Utara Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Utara Malaysia, saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 8 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia berdasarkan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) serta Perlembagaan Universiti Utara Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATIN SITI ZALEHA BINTI BAKAR)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA



PUTRAJAYA
8 SEPTEMBER 2020
20 MUHARAM 1442H



**SIJIL AUDIT KEPADA KETUA AUDIT NEGARA
 MENGENAI PENYATA KEWANGAN
 UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
 BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Kuala Lumpur office :

 No. 89-2, Jalan Wangsa
 Delima 5, Pusat Bandar
 Wangsa Maju (KLSC),
 53300 Kuala Lumpur,
 Malaysia.

 Tel : 603 - 4142 6515
 Fax: 603 - 4149 8823

Offices :

 Ipoh
 Kuching
 Kota Bharu
 Melaka
 Kuala Terengganu
 Kota Kinabalu
 Kuantan

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diaudit oleh kami yang merangkumi penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan ekuiti serta penyata aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar-dasar perakaunan penting seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 39.

Pada pendapat kami, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2019, dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Asas Kepada Pendapat

Kami telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957, dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab kami diuraikan selanjutnya di perenggan *Tanggungjawab Juruaudit terhadap Pengauditan Penyata Kewangan* dalam laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat kami.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami adalah bebas daripada Universiti Utara Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Perkara-perkara Penekanan

Tanpa menjejaskan pendapat kami, kami memberi penekanan terhadap perkara-perkara berikut:

1. Termasuk di dalam Pelbagai Penghutang adalah amaun berjumlah RM18,000,000 yang merupakan pelaburan jangka pendek *Redeemable Cumulative Preference Share @ 8%* berjumlah RM13,000,000 dan *Redeemable Convertible Cumulative Preference Share @ 4%* berjumlah RM5,000,000 masing-masing di dalam syarikat subsidiari, Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. Pihak subsidiari telah gagal untuk membuat penebusan terhadap instrumen-instrumen tersebut dalam tempoh yang ditetapkan berdasarkan perjanjian disebabkan kedudukan kewangan semasa syarikat subsidiari yang tidak membolehkan penebusan tersebut dibuat; dan



**SIJIL AUDIT KEPADA KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Perkara-perkara Penekanan (Sambungan)

2. Dalam tahun kewangan semasa, syarikat subsidiari Uniutama Management Holdings Sdn. Bhd. telah mengalami kerugian berjumlah RM15,040,490 dan pada tempoh 31 Disember 2019, syarikat merekodkan kerugian terkumpul berjumlah RM7,365,047 dan liabiliti semasa bersih berjumlah RM6,638,335. Selain daripada itu, juruaudit syarikat subsidiari juga telah memberi penekanan terhadap "*Material Uncertainty Related to Going Concern*" di dalam laporan juruaudit mereka. Nilai aset ketara bersih syarikat subsidiari pada 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM12,634,953.

Perkara dan peristiwa-peristiwa yang dinyatakan di atas memberi gambaran bahawa terdapat kemungkinan peruntukan rosot nilai pelaburan jangka pendek berjumlah RM18,000,000 dan kos pelaburan dalam syarikat subsidiari berjumlah RM20,000,000 perlu dibuat.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat kami terhadap penyata kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Utara Malaysia yang memberikan gambaran yang benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Utara Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.



**SIJIL AUDIT KEPADA KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di sepanjang pengauditan. Kami juga:

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Universiti Utara Malaysia, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat kami. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian, tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Utara Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat kami akan diubah. Kesimpulan kami dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

**SIJIL AUDIT KEPADA KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan (Sambungan)

- Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Utara Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Kami bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan Kumpulan. Kami hanya bertanggungjawab terhadap pendapat kami.

Kami telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ketua Audit Negara dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

ATAREK KAMIL IBRAHIM & CO.

AF: 0699

Akauntan-Akauntan Bertauliah

AZHAN BIN ABU BAKAR

02861/06/2021 (J)

Akauntan Bertauliah


Kuala Lumpur

Tarikh : 16 JUL 2020


PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, **TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR** dan **PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR BIN HJ. ABDUL GHANI**, yang merupakan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dengan ini menyatakan, pada pendapat pengarah-pengarah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dan KUMPULAN pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah



TAN SRI DATUK WIRA DR. HJ. MOHD SHUKOR HJ. MAHFAR
Pengerusi



PROF. DATO' DR. AHMAD BASHAWIR BIN HJ. ABDUL GHANI
Ahli Lembaga Pengarah

Sintok, Kedah

Bertarikh : **16 AUG 2020**

Universiti Utara Malaysia

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN**

Saya, **EYLANI BINTI AHMAD (K/P No: 650226-03-5244)**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan UNIVERSITI UTARA MALAYSIA dan KUMPULAN dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Sebenar dan sesungguhnya diakui oleh



EYLANI BINTI AHMAD

di **ALOR SETAR**

pada **16 AUG 2020**

di hadapan saya



No. 945, Aras 1,
Kompleks Peruda Baru,
Jalan Sultan Badlishah,
05000 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2019

		KUMPULAN		UUM	
	NOTA	2019 RM	2018 RM (DINYATAKAN SEMULA)	2019 RM	2018 RM (DINYATAKAN SEMULA)
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan	5	703,623,303	717,776,028	631,333,215	646,159,444
Hartanah pelaburan	6	2,760,495	6,124,635	750,495	761,263
Pembinaan dalam kemajuan	7	14,733,285	13,014,435	14,733,285	13,014,435
Pelaburan dalam 'subsidiari	8	-	-	20,000,000	20,000,000
Pelaburan Jangka Panjang	9	5,202,847	5,265,483	5,202,847	5,265,483
Penghutang Jangka Panjang	10	32,096,555	34,706,643	32,096,555	34,706,643
Muhibah	11	253,963	295,160	-	-
		<u>758,670,448</u>	<u>777,182,384</u>	<u>704,116,397</u>	<u>719,907,268</u>
ASET SEMASA					
Inventori	12	234,384	368,201	-	-
Pelbagai penghutang	13	27,641,916	25,231,264	46,532,545	44,417,844
Cukai belum terima		113,261	1,131,143	-	-
Simpanan tetap institusi kewangan berlesen	14	244,229,270	213,723,189	239,518,019	210,630,000
Wang tunai dan baki di bank	15	9,416,018	9,048,541	6,586,226	4,963,645
		<u>281,634,849</u>	<u>249,502,338</u>	<u>292,636,790</u>	<u>260,011,489</u>
LIABILITI SEMASA					
Pelbagai pemiutang	16	42,818,869	45,901,893	55,547,390	60,465,529
Manfaat Pekerja	23	1,197,551	2,006,994	1,197,551	2,006,994
Overdraf bank		6,371,299	6,533,335	-	-
		<u>50,387,719</u>	<u>54,442,222</u>	<u>56,744,941</u>	<u>62,472,523</u>
ASET SEMASA BERSIH					
		<u>231,247,130</u>	<u>195,060,116</u>	<u>235,891,849</u>	<u>197,538,966</u>
LIABILITI JANGKA PANJANG					
Pemiutang sewa beli	18	397,125	604,420	-	-
Pinjaman jangka panjang	19	47,770,152	48,844,466	-	-
Geran tertunda penyelidikan	20	19,523,179	13,841,931	19,523,179	13,841,931
Geran tertunda pembangunan	21	657,637,076	638,892,675	657,637,076	638,892,675
Cukai tertunda	22	23,634	12,636	-	-
Manfaat Pekerja Jangka Panjang	23	42,964,442	41,537,087	42,964,442	41,537,087
Tabung pinjaman perumahan		13,700,000	13,700,000	13,700,000	13,700,000
		<u>782,015,608</u>	<u>757,433,215</u>	<u>733,824,697</u>	<u>707,971,693</u>
JUMLAH ASET BERSIH					
		<u>207,901,970</u>	<u>214,809,285</u>	<u>206,183,549</u>	<u>209,474,541</u>
DIBIYAI OLEH:					
KUMPULAN WANG DISATUKAN					
Kumpulan Wang Mengurus	24	(47,599,824)	(43,329,012)	(47,599,824)	(43,329,012)
Kumpulan Wang Pembangunan	25	21,273,626	24,989,091	21,273,626	24,989,091
Kumpulan Wang Pendapatan	26	100,720,834	105,648,306	100,720,834	105,648,306
Kumpulan Wang Amanah	27	119,141,276	109,518,519	119,141,276	109,518,519
Kumpulan Wang Pinjaman		12,647,637	12,647,637	12,647,637	12,647,637
Keuntungan Terkumpul Anak Syarikat		1,718,421	5,334,744	-	-
KEUNTUNGAN TERKUMPUL					
		<u>207,901,970</u>	<u>214,809,285</u>	<u>206,183,549</u>	<u>209,474,541</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

		KUMPULAN		UUM	
	NOTA	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan		295,070,743	286,089,180	295,070,743	286,089,180
Pelunasan geran penyelidikan	20	1,191,943	3,282,852	1,191,943	3,282,852
Pelunasan geran pembangunan	21	23,255,599	23,451,412	23,255,599	23,451,412
Yuran dan lain-lain bayaran pelajar	28	61,811,227	62,625,042	60,596,270	61,154,224
Hasil program akademik	29	14,581,981	5,371,038	14,581,981	5,380,237
Dividen	30	631,315	403,424	631,315	403,424
Faedah	31	8,741,906	10,087,408	9,383,189	11,628,292
Pendapatan sewa	32	5,374,679	5,192,898	5,575,818	5,366,795
Pendapatan-pendapatan lain	33	71,130,549	112,606,532	51,812,567	88,695,361
Terimaan pecah kontrak biasiswa		533,746	24,094,044	533,746	24,094,044
Kutipan Semula Hutang Lapuk		-	3,569	-	3,569
Peruntukan Hutang Ragu dibalik Semula		1,918,160	3,083,108	1,918,160	3,083,108
JUMLAH PENDAPATAN		484,241,848	536,290,507	464,551,331	512,632,498
PERBELANJAAN					
Emolumen	34	258,173,271	250,383,228	236,169,182	226,525,820
Pekhidmatan dan Bekalan	35	157,597,210	175,015,192	164,868,132	175,080,365
Pemberian dan Kenaan Tetap	36	24,894,373	64,280,899	25,180,055	64,576,515
Perbelanjaan Lain					
Bayaran audit		200,441	132,911	44,297	44,411
Belanja hutang ragu		3,883,323	3,587,262	3,883,323	859,186
Pelupusan aset tetap		33,308	277,518	2,024	9,879
Rosotnilai aset		543,284	-	-	-
Lain-lain bayaran		11,350,840	10,608,643	9,337,141	10,162,577
		16,011,196	14,606,334	13,266,785	11,076,053
Susut Nilai		31,520,137	33,169,700	28,358,169	29,470,044
JUMLAH PERBELANJAAN		488,196,187	537,455,353	467,842,323	506,728,797
LEBIHAN/ (KURANGAN) PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN		(3,954,339)	(1,164,846)	(3,290,992)	5,903,701
PERUNTUKAN CUKAI	37	(2,952,976)	(1,449,201)	-	-
LEBIHAN/ (KURANGAN) PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN SELEPAS CUKAI		(6,907,315)	(2,614,047)	(3,290,992)	5,903,701

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

KUMPULAN	Nota	KUMPULAN WANG MENGURUS		KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN		KUMPULAN WANG PENDAPATAN		KUMPULAN WANG AMANAH		KUMPULAN WANG PINJAMAN		ANAK SYARIKAT		JUMLAH	
		RM		RM		RM		RM		RM		RM		RM	
Baki Pada 1 Januari 2018		(44,807,107)		26,898,351		98,920,499		139,584,161		12,647,637		(15,634,294)		217,609,247	
Pindahan		17,789,100		-		(17,789,100)		-		-		-		-	
Lebihan/(Kurangan)		1,761,621		(1,891,131)		22,637,236		(12,269,384)		-		(12,852,389)		(2,614,047)	
Seperti yang dinyatakan sebelum ini		(25,256,386)		25,007,220		103,768,635		127,314,777		12,647,637		(28,486,683)		214,995,200	
Pelarasan Tahun Lalu	38	-		-		-		-		-		(185,915)		(185,915)	
Pengelasan semula pelaporan	44	(18,072,626)		(18,129)		1,879,671		(17,796,258)		-		34,007,342		-	
Baki dinyatakan semula pada 31 Disember 2018		(43,329,012)		24,989,091		105,648,306		109,518,519		12,647,637		5,334,744		214,809,285	
Pindahan		10,945,300		-		(10,945,300)		-		-		-		-	
Lebihan/(Kurangan)		(15,216,112)		(3,715,465)		6,017,828		9,622,757		-		(3,616,323)		(6,907,315)	
Baki Pada 31 Disember 2019		(47,599,824)		21,273,626		100,720,834		119,141,276		12,647,637		1,718,421		207,901,970	

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

UUM

	KUMPULAN WANG MENGURUS RM	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN RM	KUMPULAN WANG PENDAPATAN RM	KUMPULAN WANG AMANAH RM	KUMPULAN WANG PINJAMAN RM	JUMLAH RM
Baki Pada 1 Januari 2018	(58,708,395)	26,786,877	98,918,890	123,925,831	12,647,637	203,570,840
Pindahan	17,789,100	-	(17,789,100)	-	-	-
Lebihan/(Kurangan)	(2,409,717)	(1,797,786)	24,518,516	(14,407,312)	-	5,903,701
Baki pada 31 Disember 2018	(43,329,012)	24,989,091	105,648,306	109,518,519	12,647,637	209,474,541
Pindahan	10,945,300	-	(10,945,300)	-	-	-
Lebihan/(Kurangan)	(15,216,112)	(3,715,465)	6,017,828	9,622,757	-	(3,290,992)
Baki Pada 31 Disember 2019	(47,599,824)	21,273,626	100,720,834	119,141,276	12,647,637	206,183,549

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	KUMPULAN		UUM	
	2019 RM	2018 RM (DINYATAKAN SEMULA)	2019 RM	2018 RM (DINYATAKAN SEMULA)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Penerimaan dari pelanggan	150,380,392	196,878,543	132,657,994	166,732,539
Penerimaan dari pemberian kerajaan	295,070,743	286,089,180	295,070,743	286,089,180
Pembayaran perbelanjaan operasi	(455,048,897)	(504,748,959)	(444,114,121)	(464,869,191)
Penghasilan tunai dari operasi	(9,597,762)	(21,781,236)	(16,385,384)	(12,047,472)
Bayaran cukai	(474,177)	(1,837,076)	-	-
Faedah dibayar	(2,852,916)	(4,985,128)	-	-
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti operasi	(12,924,855)	(28,603,440)	(16,385,384)	(12,047,472)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Belian hartanah, loji dan peralatan	(4,483,405)	(14,401,656)	(3,544,442)	(3,111,763)
Belian harta pelaburan	-	(2,268,889)	-	-
Tambahan pembinaan dalam kemajuan	(11,703,205)	(21,812,303)	(11,703,205)	(21,812,303)
Faedah diterima	9,328,477	9,925,632	9,649,690	11,805,303
Dividen diterima	631,315	403,424	631,315	403,424
Terimaan bersih pinjaman kakitangan	2,589,434	263,236	2,589,434	263,236
Penerimaan dari pelupusan hartanah, loji dan peralatan	25,000	212,166	-	-
(Tambahan)/Pengurangan Simpanan tetap dicagarkan	-	22,994,683	-	-
Pencairan pelaburan	400,000	600,000	400,000	600,000
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	(3,212,384)	(4,083,707)	(1,977,208)	(11,852,103)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Penerimaan geran penyelidikan	6,873,192	8,048,396	6,873,192	8,048,396
Penerimaan geran pembangunan	42,000,000	17,160,000	42,000,000	17,160,000
Tambahan sewabeli	-	248,984	-	-
Bayaran sewabeli	(216,545)	(209,358)	-	-
Bayaran pinjaman jangka panjang	(1,483,814)	(2,250,021)	-	-
Pengeluaran Pinjaman Berjangka	-	6,899,000	-	-
Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan	47,172,833	29,897,001	48,873,192	25,208,396
Peningkatan/ (Penurunan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai dalam tahun	31,035,594	(2,790,146)	30,510,600	1,308,821
Tunai dan bersamaan tunai pada awal tahun	214,478,877	217,269,023	215,593,645	214,284,824
Tunai dan bersamaan tunai pada akhir tahun	245,514,471	214,478,877	246,104,245	215,593,645
Simpanan tetap institusi kewangan berlesen	244,229,270	213,723,189	239,518,019	210,630,000
Wang tunai dan baki di bank	9,416,018	9,048,541	6,586,226	4,963,645
Overdraf bank	(6,371,299)	(6,533,335)	-	-
	247,273,989	216,238,395	246,104,245	215,593,645
Simpanan tetap dicagarkan kepada institusi kewangan (nota 14)	(1,738,708)	(1,738,708)	-	-
Baki di bank "held in trust" (Nota 15)	(20,810)	(20,810)	-	-
	(1,759,518)	(1,759,518)	-	-
	245,514,471	214,478,877	246,104,245	215,593,645

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada asas penyata ini.

NOTA KEPADA AKAUN 31 DISEMBER 2019

1. MAKLUMAT AM

- a. Universiti Utara Malaysia (UUM) secara rasminya ditubuhkan pada 16 Februari 1984 di mana ia merupakan universiti ke-enam (ke-6) yang ditubuhkan di Malaysia. Aktiviti utama UUM adalah untuk mengembangkan dan memajukan pendidikan terutamanya dalam bidang pengurusan. Aktiviti utama anak syarikat adalah dalam perniagaan penerbitan, perfileman, latihan dan perundingan, pelaburan dan latihan khidmat negara. Aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan di nota 8 kepada penyata kewangan.
- b. UUM beroperasi di 06010 Sintok, Kedah Darul Aman. UUM juga mempunyai pejabat operasi di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, 50300 Kuala Lumpur.
- c. Penyata Kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang berfungsi UUM. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan adalah dalam RM dan nilai dibundarkan ke RM terdekat.
- d. Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada 16 Ogos 2020.

2. PENYATA PEMATUHAN

Penyata kewangan Kumpulan dan Universiti disediakan dengan mematuhi Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB). Penyata ini juga disediakan dengan mematuhi peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

a) Asas Penyediaan Akaun

Penyata kewangan Kumpulan dan Universiti ini telah disediakan berdasarkan kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam penyata dasar perakaunan di bawah.

b) Kombinasi Perniagaan

Kumpulan mengguna pakai kaedah pengambilalihan untuk mengakaunkan semua kombinasi perniagaan. Sekiranya pengambilalihan sesuatu aset atau kumpulan aset bukan aset perniagaan, ianya akan diakaunkan sebagai pengambilalihan aset.

Kumpulan mengenal pasti tarikh pengambilalihan sesuatu Kombinasi Perniagaan sebagai tarikh Kumpulan memiliki kawalan ke atas syarikat yang diambil alih. Kawalan ke atas syarikat diperolehi apabila Kumpulan berkuasa untuk menentukan hala tuju polisi perakaunan dan operasi ke atas syarikat yang dilabur bagi memperoleh faedah ke atas aktiviti. Ini memerlukan syarat-syarat asas dan utama dipenuhi, seperti melengkapkan pengauditan *due diligence* dan mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah Universiti sekiranya dinyatakan secara jelas di dalam perjanjian jual beli.

NOTA KEPADA AKAUN 31 DISEMBER 2019

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan mengiktiraf secara berasingan antara Muhibah, aset yang diambil alih, anggaran liabiliti dan sebarang kepentingan minoriti yang dimiliki oleh pemilik asal perniagaan. Aset dan liabiliti yang diambil alih diukur dengan nilai saksama pada tarikh pengambilalihan kecuali bagi aset dan liabiliti yang dibenarkan dan memerlukan asas pengukuran lain sepertimana ditetapkan oleh MPERS. Pengukuran kepentingan minoriti semasa tarikh pengambilalihan adalah berdasarkan pembahagian aset bersih pada tarikh pengambilalihan, tidak termasuk Muhibah.

Kos Kombinasi Perniagaan dinilai pada nilai saksama, dengan mengambil kira jumlah aset yang dipindah milik pada tarikh pengambilalihan, liabiliti pemilik asal perniagaan, dan instrumen ekuiti yang diterbitkan oleh Kumpulan. Perbelanjaan yang berlaku semasa proses kombinasi akan dipermodalkan sebagai kos kombinasi perniagaan.

Sekiranya proses perakaunan awal untuk perniagaan tidak lengkap pada tempoh pelaporan pada masa berlakunya kombinasi, Kumpulan menggunakan amaun peruntukan pada nilai saksama untuk item-item yang tidak lengkap. Amaun peruntukan diselaraskan bagi menyatakan maklumat baru yang diperoleh terhadap fakta dan keadaan yang wujud pada tarikh pengambilalihan, termasuk tambahan aset atau liabiliti yang dikenal pasti di dalam tempoh pengukuran. Tempoh pengukuran untuk proses perakaunan awal tamat selepas satu tahun dari tarikh pengambilalihan.

c) Asas Penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan Universiti dan anak syarikatnya yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata kewangan anak syarikat diambil kira dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh pengambilalihan sehingga ke tarikh pelupusan.

Perbezaan di antara kos pelaburan dalam anak syarikat dengan nilai saksama aset bersih anak syarikat pada tarikh pengambilalihan akan dilunaskan kepada akaun pendapatan dan perbelanjaan pada tahun pengambilalihan. Pelunasan muhibah dikira menggunakan kaedah garis lurus pada kadar 10% setahun.

Semua baki, urusaniaga antara Kumpulan termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapus kira sepenuhnya.

d) Muhibah dan *Bargain Purchase*

Kombinasi perniagaan yang diambil kira di bawah kaedah pengambilalihan, muhibah diiktiraf sebagai aset pada tarikh pengambilalihan, diukur pada perbezaan antara kos pelaburan dan pembahagian aset bersih yang diambil alih. Pembahagian muhibah ke atas kepentingan minoriti tidak diiktiraf. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos dan ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Muhibah akan dilunaskan menggunakan kaedah garis lurus bagi tempoh 10 tahun dan tertakluk kepada ujian rosot nilai pada bila-bila masa terdapat tanda-tanda rosot nilai.

NOTA KEPADA AKAUN 31 DISEMBER 2019

Terdapat keadaan apabila aset bersih melebihi kos kombinasi, penilaian semula tarikh pengambilalihan akan dilakukan dan lebihan akan diiktiraf pada untung atau rugi dengan serta merta sebagai *bargain purchase* dan atribut kepada pemilik syarikat Holding sahaja.

e) Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan, dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul.

Susut nilai tidak diperuntukkan bagi tanah milik bebas.

Aset tetap yang kosnya RM3,000 atau lebih dan mempunyai usia guna melebihi satu (1) tahun akan dipermodalkan. Aset tetap yang kosnya kurang daripada RM3,000 dan mempunyai usia guna melebihi satu (1) tahun akan direkodkan dalam daftar inventori.

Susut nilai bagi semua aset tetap dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat kegunaan aset tetap berkenaan. Susut nilai penuh dikenakan dalam tahun pembelian dan tiada susut nilai dikenakan dalam tahun penjualan.

Kadar susut nilai tahunan adalah seperti berikut:

Tanah Pajakan	Usia Pajakan
Bangunan	2-10%
Kemudahan dan infrastruktur	5%
Mesin, Komputer dan Perisian, Perabot dan Peralatan Pejabat	20% - 25%
Kenderaan	20%
Alat Pengajaran dan Penyelidikan	10%
Kelengkapan Sukan, Kesenian dan Riadah	25%

Perbelanjaan penambahbaikan dan ubahsuai bangunan dan infrastruktur dipermodalkan jika ianya meningkat usia guna aset berkenaan dan jumlah perbelanjaan melebihi 5% dari kos asal aset berkenaan.

Nilai dibawa aset akan ditaksir dan diturunkan dengan serta-merta kepada jumlah yang boleh dikutip semula apabila petunjuk penurunan nilai wujud.

f) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan terdiri daripada harta yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya. Hartanah pelaburan dinyatakan pada kos selepas ditolak susut nilai terkumpul dan rugi terjejas terkumpul. Hartanah pelaburan disusut nilai mengikut kaedah garis lurus untuk menghapuskan kos aset kepada nilai baki bersih sepanjang usia penggunaan anggaran 50 tahun.

Susut nilai tidak diperuntukkan bagi tanah milik bebas.

NOTA KEPADA AKAUN 31 DISEMBER 2019

Selepas pengiktirafan sebagai hartanah pelaburan, jika nilai saksama item hartanah pelaburan boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, ia mesti diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, ia adalah diambil kira sebagai Hartanah, Loji dan Peralatan. Amaun dibawa hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

Apabila hartanah pelaburan dilupuskan atau tidak digunakan langsung dan dijangka tiada pulangan masa hadapan daripada pelupusan tersebut, ia akan disingkirkan daripada Penyata Kedudukan Kewangan. Perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai dibawa akan diiktiraf di Penyata Pendapatan dalam tempoh ia dilupuskan.

Kadar susut nilai bagi bangunan yang diklasifikasikan sebagai Hartanah Pelaburan adalah pada kadar dua peratus (2%) sebagaimana di Nota 6. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan perlu menilai sama ada terdapat petunjuk penjejasan. Jika terdapat petunjuk penjejasan, analisa perlu dilakukan bagi menilai sama ada nilai dibawa aset boleh diperoleh semula dengan sepenuhnya. Rugi terjejas akan diperuntukkan jika nilai dibawa melebihi nilai diperoleh.

g) Pembinaan Dalam Kemajuan

Pembinaan dalam kemajuan meliputi bangunan yang sedang dibina dan belum disempurnakan pada tarikh penyata kewangan serta dinilai mengikut peringkat bayaran dan susut nilai tidak diperuntukkan. Apabila pembinaan siap, kos pembinaan dipindah ke aset tetap yang berkenaan.

h) Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari

Subsidiari adalah syarikat-syarikat yang mana UUM mempunyai kuasa untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan operasi untuk mendapatkan manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Pelaburan dalam syarikat subsidiari diukur pada kos setelah ditolak sebarang rosot nilai. Kos pelaburan termasuk kos-kos transaksi.

i) Penjejasan Aset Bukan Kewangan

Aset bukan kewangan yang tidak mempunyai usia penggunaan adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan dinilai untuk penjejasan setiap tahun. Aset bukan kewangan yang tertakluk kepada pelunasan akan disemak untuk penjejasan apabila peristiwa atau berlaku perubahan pada keadaan yang menunjukkan nilai di bawa berkemungkinan tidak akan diperoleh.

Rugi terjejas diiktiraf apabila nilai di bawa aset bukan kewangan melebihi nilai diperoleh. Nilai diperoleh adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset bukan kewangan ditolak kos jualan atau nilai penggunaan.

NOTA KEPADA AKAUN 31 DISEMBER 2019

Bagi tujuan menilai penjejasan, aset bukan kewangan dikumpulkan pada tahap terendah di mana aliran tunai boleh dikenal pasti secara berasingan (unit penjana tunai). Aset bukan kewangan selain daripada muhibah yang mengalami penjejasan disemak untuk kemungkinan pembalikan penjejasan pada setiap tahun pelaporan.

j) Inventori

Inventori dinyatakan pada harga terendah (ditentukan pada asas masuk dahulu) dan nilai boleh direalisasikan bersih, nilai ini diwakili oleh anggaran harga jualan tolak kos-kos pemasaran dan jualan.

k) Perjanjian Sewa Beli

Aset yang diperoleh secara sewa beli dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan dan disusut nilai berdasarkan asas yang dinyatakan pada Nota 3(e). Komitmen masa hadapan dinyatakan dalam liabiliti di penyata kedudukan kewangan.

Caj kewangan diagihkan mengikut tempoh perjanjian ke penyata keuntungan dan kerugian supaya ianya memberikan kadar berkala malar caj kewangan berdasarkan baki liabiliti sewa beli.

l) Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

Pendapatan dan perbelanjaan diiktiraf atas dasar akruan.

- i. Geran mengurus diiktiraf apabila hak untuk menerima telah diperakui kelulusannya dan akan diperoleh untuk tahun kewangan tersebut.
- ii. Geran untuk pembangunan akan diiktiraf sebagai geran modal tertunda dan akan dilunaskan mengikut belanja susut nilai projek yang telah disiapkan dan aset yang dibeli serta belanja operasi projek yang tidak dipermodalkan.
- iii. Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar adalah diiktiraf keseluruhannya apabila pendaftaran dibuka dalam tahun.
- iv. Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai disempurnakan.
- v. Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila barangan selesai dihantar.
- vi. Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima telah diperakui kelulusannya.
- vii. Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan kaedah faedah efektif.
- viii. Pendapatan sewa dan pendapatan royalti diiktiraf berdasarkan asas akruan selaras dengan intipati perjanjian.

NOTA KEPADA AKAUN 31 DISEMBER 2019

- ix. Pendapatan daripada yuran, pelaburan dan simpanan tetap yang tidak ada arahan amanah khusus dianggap sebagai pendapatan Universiti dan dimasukkan ke dalam dana yang berasingan. Pendapatan dari pelaburan dikira sehingga ke tarikh akhir tahun kewangan.
- x. Perbelanjaan bagi perolehan barangan, perkhidmatan dan kerja diiktiraf apabila ianya telah berlaku.

m) Cukai Pendapatan

Universiti Utara Malaysia adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah perenggan 13 Jadual 6, Bahagian 1(a), Akta Cukai Pendapatan 1967.

Bagi anak syarikat perbelanjaan cukai semasa adalah cukai yang dijangkakan ke atas pendapatan boleh cukai dengan menggunakan kadar cukai yang diwartakan.

Cukai tertunda anak syarikat diperuntukkan menurut kaedah tanggungan ke atas semua perbezaan masa yang ketara kecuali di mana terdapat bukti munasabah bahawa perbezaan masa ini tidak akan berbalik pada masa hadapan.

n) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada wang tunai, baki di bank, simpanan tetap institusi kewangan berlesen dan overdraf bank.

o) Manfaat Pekerja

Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji dan bonus dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan dilaksanakan oleh pekerja.

Pelan Caruman Tetap

Kumpulan dan UUM membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi pekerja yang tidak berpencen dan Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi pekerja di bawah skim pencen. Sumbangan berkanun berkenaan diambil kira sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut terakru setiap bulan.

Manfaat Jangka Panjang

Pengiraan amaun tanggungan bagi bayaran *award* cuti gantian kepada staf yang bersara adalah berdasarkan angka sebenar pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan serta kelayakan mengikut terma dan syarat perkhidmatan. Kadar gaji semasa digunakan untuk mengira amaun tanggungan ini.

NOTA KEPADA AKAUN 31 DISEMBER 2019

p) Instrumen Kewangan

i) Pengiktirafan dan Pengukuran Awal

Instrumen kewangan adalah aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf di dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila Kumpulan dan UUM menjadi pihak yang terikat pada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf di peringkat awal pada harga transaksi (termasuk kos transaksi kecuali pengukuran awal untuk aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit).

ii) Pengukuran seterusnya

Instrumen hutang yang diklasifikasikan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah tanpa diskaun tunai atau pertimbangan yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan pengaturan itu merupakan, pada dasarnya, suatu transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa yang tidak boleh dijual, diukur pada kos ditolak susut nilai, kecuali saham tersebut didagangkan di pasaran terbuka atau nilai saksamanya boleh diukur, di mana pelaburan tersebut boleh diukur pada nilai saksama dengan perubahan nilai saksamanya dapat diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan lain yang tidak diukur pada kos pelunasan atau kos rosot nilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam lebihan atau defisit.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui lebihan atau defisit) ditafsir pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif rosot nilai. Rosot nilai diukur seperti berikut:-

- a) Bagi instrumen diukur pada kos terlunas, amaun rosot nilai diukur sebagai perbezaan antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai hadapan yang didiskaunkan pada kadar pulangan efektif asal aset kewangan tersebut.
- b) Bagi instrumen yang diukur pada kos tolak rosot nilai, rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran terbaik amaun yang akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan

q) Kos Pinjaman

Kos Pinjaman Kumpulan adalah termasuk faedah atas pinjaman, liabiliti ke atas pajakan kewangan dan perbelanjaan faedah ke atas instrumen hutang yang dikira menggunakan kaedah faedah efektif. Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ianya telah berlaku.

NOTA KEPADA AKAUN 31 DISEMBER 2019

iii) Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagiannya akan dinyahiktiraf apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan telah luput dan selesai, atau hak tidak memindahkan aset tidak mahu mengekalkan semua risiko dan ganjaran aset atau tidak memindahkan kawalan aset ini kepada pihak lain. Apabila instrumen aset kewangan dinyahiktiraf, perbezaan di antara nilai bawaan dan jumlah yang diterima dan sebarang keuntungan dan kerugian terkumpul akan diiktiraf di dalam lebihan atau defisit.

Penyahiktirafan liabiliti kewangan akan dilakukan apabila obligasi di bawah liabiliti telah dibatalkan atau ditamatkan atau luput. Apabila instrumen liabiliti kewangan dinyahiktiraf, perbezaan antara nilai bawaan liabiliti kewangan asal dan pertimbangan yang dibayar diiktiraf di dalam lebihan atau defisit.

4. PERTIMBANGAN PERAKAUNAN KRITIKAL DAN SUMBER UTAMA KETIDAKPASTIAN ANGGARAN

UUM berpendapat bahawa tiada pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran yang digunakan ketika menyediakan penyata kewangan selain yang dinyatakan di bawah:-

a) Pengukuran Peruntukan

